



Nestlé Good food, Good life

## Siaran Akhbar

Petaling Jaya, 7 Disember 2023

### **Nestlé Malaysia Memperluas Usaha Bantuan Banjir Bagi Masyarakat Pantai Timur**

*Menyumbang Tambahan 4,000 Kotak Bantuan Makanan Asas kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia*

**PETALING JAYA, 7 Disember 2023** – Sebagai sebahagian daripada usaha untuk meringankan beban masyarakat di Pantai Timur yang terjejas akibat banjir pada musim tengkujuh, Nestlé Malaysia terus menyumbang kepada usaha bantuan banjir Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSMM) dengan menderma 4,000 kotak bantuan makanan asas. Kerjasama terbaharu ini menjadikan nilai keseluruhan yang disumbangkan kepada PBSMM berjumlah RM3.5 juta pada 2023, yang meliputi sumbangan kewangan dan barangan. Dana tersebut telah digunakan untuk pelbagai tujuan seperti membeli peralatan penting, meningkatkan tahap kesiapsiagaan banjir dan menyokong inisiatif bantuan kemanusiaan tempatan dan global, termasuk sumber bagi Tabung Bantuan Kecemasan Palestin yang ditubuhkan oleh PBSMM.

Sebagai sokongan tambahan kepada usaha murni ini, seramai 150 sukarelawan Nestlé Cares dan PBSMM telah berkumpul hari ini untuk mengisi 4,000 kotak bantuan makanan yang akan diagihkan kepada individu dan keluarga di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dan rumah-rumah yang terjejas di seluruh Pantai Timur. Setiap kotak mengandungi barangan penting untuk membekalkan khasiat pemakanan kepada masyarakat yang memerlukan, termasuk pelbagai produk seperti MILO, MAGGI, NESTUM, NESTLÉ OMEGA PLUS dan NESCAFÉ, di samping Kit Kebersihan.

En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, "Kami komited untuk menyokong masyarakat Malaysia yang memerlukan menerusi pelbagai program dan usaha menghulurkan bantuan yang kami laksanakan. Menerusi kerjasama dengan PBSMM, kami berharap untuk menyokong masyarakat dan keluarga yang terjejas akibat musim tengkujuh, dengan meringankan beban dan memberi bantuan kepada mereka pada masa yang sukar ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua sukarelawan Nestlé Cares kami yang turut serta pada hari ini untuk membantu menyediakan 4,000 Kotak Bantuan Makanan."

Yang Teramat Mulia Tunku Puteri Intan Safinaz binti Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Pengerusi PBSMM mengulas, "Kami amat bersyukur atas sokongan berterusan Nestlé Malaysia lebih-lebih lagi pada saat-saat genting ini. Sumbangan yang dihulurkan dan penyediaan bantuan makanan sememangnya akan membantu mangsa banjir di Pantai Timur. Dalam keadaan krisis, kerjasama dan sokongan daripada syarikat korporat seperti Nestlé Malaysia amat dialu-alukan untuk membawa perubahan bermakna kepada kehidupan golongan yang memerlukan."

###

### **Mengenai Nestlé Malaysia**

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my) atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

---

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

**Shaheen Zaffar**

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: +603 7965 6456

Bimbit +60 12 235 6865

: [Shaheen.MohamedZaffar@my.nestle.c](mailto:Shaheen.MohamedZaffar@my.nestle.c)

E-mel: [om](mailto:om)

**Shahida Irawan or Yasmin Kadir**

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348

Bimbit: +6019-688 7204 (Shahida Irawan)

atau +6017 237 9048 (Yasmin Kadir)

E-mel: [acorncommunications@acornco.com.my](mailto:acorncommunications@acornco.com.my)